



Peningkatan nilai ringgit dijangka akan berlaku lebih cepat tahun ini.

Ringgit naik ke paras stabil

BH 11/1.

➔ Jangkaan melonjak semula daripada paras rendah 19 tahun

Ringgit dijangka melonjak semula daripada paras rendah 19 tahun disokong langkah kerajaan memacu permintaan ke atas mata wang tempatan itu, demikian menurut ahli sektor perbankan dan jawatankuasa pasaran kewangan bank pusat.

Peningkatan ringgit akan berlaku lebih cepat, kata Presiden Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia dan Pengarah di CIMB Group Holdings Bhd, Lee Kok Kwan.

Beliau merujuk kepada tiga kenaikan sebegitu bagi tempoh 15 bulan lalu termasuk peningkatan sehingga 7.4 peratus dalam seminggu.

"Ringgit berada di paras rendah," kata Kok Wan, individu yang menganggotai jawatankuasa membangunkan strategi untuk bon kerajaan dan mata wang dalam satu temu bual Jumaat lalu.

Asas negara kukuh

Asas Malaysia adalah stabil dan kelihatan kukuh.

Perdagangan dan lebihan akaun semasa boleh meningkat kerana import akan meningkat berikutan kelemahan ringgit.

Ringgit kerugian sekitar 22 peratus bermula 2015 dan ia menjadi mata wang dengan prestasi terburuk di pasaran baharu muncul, terjejas dise-

babkan pengukuhan dolar dan harga komoditi yang lemah.

Pada 4 Januari, ia mencecah RM4.50 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) buat kali pertama sejak 1998 selepas pelabur terus melupuskan aset di pasaran baharu muncul serta selepas tindakan spekulator mata wang bulan lalu memburukkan lagi aliran keluar.

Kok Wan menjangkakan pemulihan berbeza dengan analisis dalam kaji selidik Bloomberg, di mana median bagi ringgit diniagakan pada RM4.52 berbanding dolar AS pada akhir separuh pertama dan menjadi lemah kepada RM4.57 pada akhir 2017.

BLOOMBERG